



16 FEB, 2024

JKDM rampas 42,000kg beras hancur

Harian Metro, Malaysia



JKDM rampas 42,000kg beras hancur

Alor Setar: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mematahkan kegiatan sindiket penyeludupan beras hancur seberat 42,000 kilogram (kg) dari negara jiran di Pokok Sena pada 6 Februari lalu.

Pengarah JKDM Kedah Nor Izah Abd Latiff berkata sepasukan anggota dari Cawangan Penguatkuasaan Alor Setar menerima maklumat daripada orang awam dan berjaya mengesan serta mengekori sebuah treler

dengan nombor pendaftaran tempatan untuk menyeludup beras ke Malaysia.

“Treler berkenaan memasuki negara dari Thailand melalui pintu masuk Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Durian Burung pada 6 Februari dan mengikrarkan sebagai tidak bermuatan,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Katanya, anggota penguat kuasa telah mengekori treler berkenaan sebelum menahan kenderaan itu di tepi jalan di Pokok Sena manakala pemandunya melarikan diri dan gagal diberkas.

“Hasil pemeriksaan...ditemukan sejumlah 840 beg guni berisi beras hancur seberat 42,000 kg. Anggaran nilai rampasan berjumlah RM105,000,” katanya.



16 FEB, 2024

JKDM rampas 42,000kg beras hancur

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Alor Setar: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mematahkan kegiatan sindiket penyeludupan beras hancur seberat 42,000 kilogram (kg) dari negara jiran di Pokok Sena pada 6 Februari lalu. Pengarah JKDM Kedah Nor Izah Abd Latiff berkata sepasukan anggota dari Cawangan Penguatkuasaan Alor Setar menerima maklumat daripada orang awam dan berjaya mengesan serta mengekori sebuah treler

dengan nombor pendaftaran tempatan untuk menyeludup beras ke Mal ay s i a .